


THE 18TH OITA ASIAN SCULPTURE EXHIBITION CALL FOR ENTRIES

第18回大分アジア彫刻展作品公募

公募期間：2025年8月1日～2025年12月21日

Submission Period : August 1, 2025 - December 21, 2025



■ 賞・賞金
大賞 (1点) 200万円
優秀賞 (6点) 50万円
豊後大野賞 (1点) 30万円

■ 審査委員
酒井忠康、合田習一、深井隆、金善姫、村井進吾

■ 主催
大分アジア彫刻展実行委員会、大分県、豊後大野市

■ 後援
文化庁

■ 協賛
株式会社佐伯コミュニケーションズ、株式会社大分銀行

■ 連絡先
大分アジア彫刻展実行委員会事務局
〒879-6224
大分県豊後大野市朝地町池田 1587-11 朝倉文夫記念館内
TEL: 0974-72-1300
<https://oita-sculpture.com/>

Awards ■
Grand Prize (1) / 2,000,000 JPY
Awards of Excellence (6) / 500,000 JPY
Bungo Ono Award (1) / 300,000 JPY

Judging Committee ■
Tadayasu Sakai, Shuichi Goda, Takashi Fukai, Sunhee Kim, Shingo Murai

Organized by: The Oita Asian Sculpture Exhibition Committee, Oita Prefecture, Bungo-Ono City ■
With the Support of: Agency for Cultural Affairs
With the Sponsorship of: Saiki Communications Co., Ltd., Oita Bank Co., Ltd.

For Further Information Contact ■
The Oita Asia Sculpture Exhibition Office
Fumio Asakura Museum of Sculpture
1587-11 Ikeda, Asaji Town, Bungo-Ono City, Oita Prefecture,
879-6224, Japan
TEL: +81-974-72-1300
<https://oita-sculpture.com/>

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PAMERAN ARCA ASIA ÔITA KE-18



Bagi memperingati pemahat Fumio Asakura, berasal dari Wilayah Ôita, yang telah meletakkan asas kepada seni arca Jepun moden dan berusaha mendidik generasi pelapis di Sekolah Seni Tokyo serta “Asakura Juku”, sebuah pameran arca akan dianjurkan sebagai batu loncatan untuk pengarca muda dari Asia. Pameran ini dianjurkan secara bersama oleh Wilayah Ôita, yang mempromosikan inisiatif “Negeri Kreatif Ôita” melalui seni dan budaya, serta Bandar Bungo-Ôno, yang beraspirasi membina masyarakat yang mempuak jiwa yang kaya dan semangat untuk belajar. Pameran ini juga berperanan sebagai platform untuk menyampaikan maklumat budaya dari peringkat tempatan ke seluruh negara dan dunia. Penyertaan ramai amat dialu-alukan.

1. Penganjur Jawatankuasa Pelaksana Pameran Arca Asia Ôita, Wilayah Ôita, Bandar Bungo-Ôno
2. Sokongan Agensi Hal Ehwal Budaya Jepun
3. Penaja Saiki Communications Co., Ltd., Bank Ôita Co., Ltd.
4. Tempoh Pameran (jangkaan) 17 Oktober 2026 (Sabtu) - 22 November 2026 (Ahad)
5. Tempoh Pemanggilan Karya 1 Ogos 2025 (Jumaat) - 21 Disember 2025 (Ahad)
6. Peraturan Penyertaan

(1) Kelayakan Pemohon

Individu atau kumpulan yang memenuhi salah satu syarat berikut dan berumur di bawah 50 tahun pada 1 April 2025.

① Warganegara bagi mana-mana negara/wilayah di Asia, atau Australia

② Tanpa mengira kewarganegaraan, menetap di mana-mana negara/wilayah di Asia, atau di Australia

(2) Karya yang Dipertandingkan

① Karya asli yang belum pernah diumumkan atau dipertontonkan secara rasmi.

※ “Karya yang belum diumumkan” dalam konteks pameran ini merujuk kepada karya yang belum pernah dinilai dalam mana-mana pertandingan terbuka atau pertandingan seni lain. Karya yang hanya pernah dipamerkan dalam pameran individu atau berkumpulan tanpa penilaian masih dibenarkan untuk dihantar.

② Setiap individu atau kumpulan hanya dibenarkan menghantar satu karya sahaja.

③ Saiz keseluruhan karya siap (termasuk alas) mesti tidak melebihi jumlah panjang 150 cm bagi ketiga-tiga dimensi (tinggi, lebar dan kedalaman) apabila dipasang. Walau bagaimanapun, satu sisi (tinggi, lebar atau kedalaman) tidak boleh melebihi 70 cm.

④ Berat karya hendaklah tidak melebihi 30 kg. Sekiranya melebihi, segala urusan penghantaran dan pengambilan hendaklah ditanggung oleh pemohon sepenuhnya.

⑤ Tiada sekatan terhadap bahan karya, namun ia hendaklah kukuh untuk menahan proses penghantaran dan pameran, serta mempunyai struktur yang boleh berdiri sendiri. Sekiranya karya memerlukan alat sokongan untuk berdiri, alat tersebut hendaklah disediakan oleh pemohon dan dimuatkan sekali dalam had saiz yang ditetapkan.

※ Sekiranya karya didapati merupakan plagiat, tiruan, atau bukan hasil asli pemohon, atau dianggap telah diumumkan, kelayakan untuk penyertaan atau anugerah akan dibatalkan walaupun selepas keputusan diumumkan.

※ Karya yang tidak tahan untuk dipindahkan, atau yang berpotensi merosakkan atau mencemarkan karya lain, tidak akan diterima untuk penyertaan.

※ Sebarang isu berkaitan hak cipta atau perundangan lain yang timbul daripada karya yang dihantar adalah di bawah tanggungjawab penuh pemohon.

※ Karya yang melanggar mana-mana peraturan akan dipulangkan kepada pemohon dengan kos sendiri. Sekiranya pemulangan tidak dapat dilakukan, karya tersebut akan dilupuskan. Pemohon diminta memberi perhatian serius terhadap perkara ini.

(3) Cara Permohonan

① Bayaran Yuran Penyertaan

Yuran penyertaan: Pemohon yang menetap di Jepun: ¥5,000 / Pemohon yang menetap di luar Jepun: Percuma

Akaun Pemindahan: 【Akaun Pos】01790-8-99841

Jawatankuasa Pelaksana Pameran Arca Asia Ôita

Tarikh akhir bayaran: 22 Disember 2025 (Isnin)

※ Yuran penyertaan adalah berdasarkan tempat tinggal pemohon pada waktu permohonan, tanpa mengira kewarganegaraan.

※ Sekiranya bayaran dilakukan melalui mesin ATM daripada akaun pihak ketiga, pemohon hendaklah memaklumkan perkara tersebut kepada pihak sekretariat.

※ Yuran penyertaan yang telah dijelaskan tidak akan dikembalikan dalam apa jua keadaan.

※ Permohonan tidak akan diproses sekiranya bayaran tidak dapat disahkan.

② Permohonan Web

Permohonan hendaklah dibuat melalui laman web rasmi Pameran Arca Asia Ôita dengan mengisi borang permohonan dan melampirkan data gambar karya.

※ Garis Panduan Penghantaran Gambar

・Format fail mestilah JPEG dan saiznya tidak melebihi 640 × 480 piksel.

・Gambar yang dihantar mestilah karya sebenar yang ingin dipertandingkan.

・Karya hendaklah difoto dari tiga sudut: satu dari hadapan, dua dari sudut pilihan.

・Gambar tidak boleh diubah suai atau dipengaruhi oleh pencahayaan khas, lensa luar biasa, atau penapis visual.

※ Permohonan melalui pos hanya dibenarkan sekiranya pemohon tidak dapat menggunakan laman web. Dalam kes ini, sila lengkapkan borang permohonan dan kirimkan bersama data gambar dalam CD-R (dirakam dalam format Windows ISO9660; Mac dan Linux tidak dibenarkan) ke alamat urus setia. Cop pos pada hari terakhir permohonan dianggap sah.

7. Penilaian

(1) Penilaian Peringkat Pertama

Sekitar 60 karya akan dipilih melalui penilaian dokumen berdasarkan gambar yang dihantar. Keputusan penilaian akan dimaklumkan kepada semua pemohon dan turut diumumkan di laman web rasmi mengikut nombor pendaftaran.

Tarikh pengumuman: Februari 2026 (jangkaan)

※ Sebarang pertanyaan berkaitan keputusan melalui telefon tidak akan dilayan.

(2) Penilaian Peringkat Kedua

Sekitar 30 karya akan dipilih sebagai karya terpilih melalui penilaian visual daripada kalangan karya yang telah melepasi penilaian peringkat pertama.

Keputusan akan dimaklumkan kepada semua peserta yang melepasi peringkat pertama, dan akan turut diumumkan di laman web rasmi mengikut nombor pendaftaran.

Tarikh pengumuman: Mac 2026 (jangkaan)

Karya yang melepasi penilaian peringkat kedua akan dipamerkan sepanjang tempoh pameran ini.

※ Walau bagaimanapun, karya yang telah melepasi penilaian kedua dan telah dihantar tetap tidak akan dipamerkan sekiranya didapati melanggar mana-mana peraturan.
- (3) Penilaian Akhir

Daripada karya yang melepasi penilaian peringkat kedua, tujuh (7) karya akan dipilih untuk menerima anugerah (Anugerah Utama dan Anugerah Cemerlang).

Keputusan akan dimaklumkan kepada semua peserta yang melepasi penilaian kedua, dan turut diumumkan di laman web rasmi mengikut nombor pendaftaran.

Tarikh pengumuman: Sekitar Jun - Julai 2026 (jangkaan)

(4) Majlis Penyampaian Hadiah dan Pembukaan

Pemenang anugerah (Anugerah Utama dan Anugerah Cemerlang) akan dijemput untuk menghadiri Majlis Penyampaian Hadiah dan Upacara Pembukaan Rasmi.

Kos perjalanan dan penginapan bagi para pemenang akan ditanggung oleh pihak penganjur sebagai prinsip umum.

※ Walau bagaimanapun, bagi pemohon yang menetap di luar negara (tidak termasuk Asia), pihak penganjur hanya akan menanggung kos tersebut sehingga maksimum ¥100,000.

8. Panel Penilai

Tadayasu Sakai (Pengulas Seni) Shûichi Gôda (Pemahat) Takashi Fukai (Pemahat) Kim Sunhee (Kurator Bebas) Shingo Murai (Pemahat)

9. Kategori Anugerah dan Jumlah Wang Tunai

Anugerah Utama (1 karya): ¥2,000,000 Anugerah Cemerlang (6 karya): ¥500,000

Anugerah Bungo-Ôno (1 karya): ¥300,000

※ Hak milik bagi karya yang memenangi Anugerah Utama dan Anugerah Cemerlang akan menjadi milik pihak penganjur.

※ Anugerah Bungo-Ôno akan dipilih berdasarkan undian umum oleh pengunjung pameran ini.

10. Penghantaran Karya dan Perkara Berkaitan

(1) Peserta yang lulus penilaian peringkat kedua akan dimaklumkan mengenai kaedah penghantaran selepas keputusan diumumkan. Dalam kes di mana karya tidak dapat dipulangkan akibat peraturan eksport/import negara, atau berlaku sebarang kerosakan semasa proses penghantaran, peserta dikehendaki menandatangani surat akuan bahawa mereka tidak akan membuat sebarang tuntutan pampasan terhadap pihak penganjur. Sebarang urusan berkaitan insurans karya adalah di bawah tanggungjawab peserta sendiri.

(2) Bagi peserta dari negara yang tidak membenarkan import individu, mereka hendaklah menetapkan lebih awal institusi seperti sekolah atau muzium sebagai alamat pemulangan karya.

(3) Pembungkusan hendaklah dibuat dengan teliti, mengambil kira risiko hentakan semasa penghantaran, bagi mengelakkan sebarang kerosakan.

(4) Segala kos yang berkaitan dengan penghantaran karya, termasuk pembungkusan, hendaklah ditanggung oleh peserta.

Urusan kos pemulangan adalah seperti yang dinyatakan dalam Lampiran 1.
- (Lampiran 1)
- | | Pemohon yang menetap di Jepun | Pemohon luar negara (yang menetap di Asia) | Pemohon luar negara (tidak menetap di Asia) |
|----------------------|-------------------------------|--|--|
| Kos Pemulangan Karya | Tanggungjawab peserta | Ditanggung oleh penganjur | Tanggungjawab penganjur sehingga maksimum ¥50,000. |
- (5) Proses pembukaan bungkusan karya akan dijalankan dengan kehadiran kontraktor yang dilantik dan pihak sekretariat. Sebarang kerosakan yang dikesan akan dimaklumkan kepada peserta.

(6) Pihak penganjur akan menyediakan perlindungan insurans bagi karya dari saat penerimaannya sehingga pemulangan, namun had maksimum penilaian insurans bagi setiap karya yang dihantar adalah sebanyak ¥100,000 sahaja.
11. Lain-lain Perkara

(1) Walaupun pihak penganjur akan mengambil langkah-langkah wajar dalam pengurusan karya dari waktu penghantaran hingga pemulangan, pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan akibat kelemahan bahan atau struktur karya, bencana alam atau faktor luar jangka lain.

(2) Peserta yang melepasi penilaian peringkat pertama dianggap telah memberikan kebenaran kepada pihak penganjur untuk menggunakan gambar karya bagi tujuan promosi dan penyiaran dalam bahan bercetak, laman web, serta media berkaitan.
- 【Alamat Permohonan】
Jawatankuasa Pelaksana Pameran Arca Asia Ôita
1587-11 Ikeda (Bangunan), Asaji-machi (Jalan), Bungo-Ôno-shi (Bandar), Ôita (Negeri),
879-6624 (Poskod)
Penerima/Tempat menerima, sila tulis: Dalam Memorial Fumio Asakura
<https://oita-sculpture.com/>
-
- Potong di sini
- ## Borang Permohonan Penyertaan & Persetujuan Peraturan Pameran Arca Asia Ôita ke-18
- Saya bersetuju dengan kandungan garis panduan dan peraturan penyertaan Pameran Arca Asia Ôita ke-18 dan mengemukakan permohonan ini. Karya ini juga tidak pernah dihantar ke mana-mana pameran atau pertandingan terbuka yang lain.
- ※ Borang ini hanya digunakan sekiranya pemohon tidak dapat membuat permohonan melalui internet. Sila kirimkan bersama data gambar karya dalam CD-R ke alamat urus setia.
- | | | | | | | | | | |
|--|--|-------------------------|--|------------------------------|------|---|-----------------------|-------|------|
| Nombor Pendaftaran ※ | | Nama Penuh | | Poskod | | Tarikh Lahir: Tahun | | Bulan | Hari |
| Tajuk Karya (terjemahan Inggeris) | | | | | | | | | Umur |
| Konsep/ Keterangan Karya | | Alamat Semasa | | | | | | | |
| Saiz Karya (termasuk alas) (Unit · cm) | Tinggi × Lebar × Kedalaman | Berat Karya (Unit · kg) | | E-mel | | | | | |
| | × | × | | Nombor Telefon | Faks | | | | |
| Bahan Karya | (sila nyatakan se jelas mungkin termasuk struktur) | | | Telefon Bimbit | | | Warganegara / Wilayah | | |
| | | | | Latar Belakang sebagai Artis | | | Tempat Asal | | |
| | | | | | | ※ Ruangan ini diisi oleh pihak urus setia | | | |